

Hasan tarik balik kritik negara kebajikan tapi...

MalaysiaKini.com

Disember 24,2011

Nigel Aw

Bekas pesuruhjaya PAS Selangor, Datuk Dr Hasan Ali hari ini memohon maaf berhubung kritiknya terhadap konsep negara kebajikan yang dianjurkan parti itu dan menarik balik kenyataannya berhubung perkara itu.

NONESebagai ahli PAS dan ahli jawatankuasa pusat, katanya, beliau mengakui terdapat unsur-unsur yang keterlaluan apabila beliau mengulas perkara itu.

Dengan itu, katanya, beliau menarik balik komennya tentang negara kebajikan dan memohon maaf kepada kepimpinan PAS kerana keterlaluannya itu.

Hasan sebelum ini mengecam golongan bukan ulama dalam PAS dan menuduh parti itu telah menyeleweng daripada perjuangan Islam.

Hasan, dalam sidang akhbar yang diadakan di kediamannya pagi ini berkata, konsep negara kebajikan telahpun diputuskan dalam muktamar parti itu dan disahkan oleh majlis syura, maka beliau akan mematuhi.

Bagaimanapun, tambahnya, beliau terpaksa menyuarakan pandangan sebahagian besar penyokong PAS tentang butir-butir teknikal - bukan dasar - mengenai negara kebajikan.

Hasan mengakui bahawa "mungkin" intipati sebuah negara Islam dan negara kebajikan adalah serupa tetapi menegaskan bahawa kedua-duanya perlu diteliti jika mereka benar-benar sama dari segi kandungan, hujah dan penyampaiannya.

Hasan menambah beliau secara peribadi lebih suka istilah "negara Islam" daripada "negara kebajikan".

Copyright © 1999-2011 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

<http://www.malaysiakini.com/news/184929>